

29/08/2002

Isa minta atlit NS letak sasaran tinggi

Ziauddin Sharuddin

ATLIT Negeri Sembilan diingatkan bahawa aksi mereka pada Sukma ke-10 di Sabah mulai 4 April depan, adalah batu loncatan untuk mewakili negara.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata atlit negeri perlu menetapkan sasaran lebih tinggi untuk berjaya dalam bidang sukan.

Katanya, walaupun kerajaan negeri bangga jika atlit negeri memenangi pingat tetapi kejayaan itu tidak bermakna untuk negara jika pencapaian mereka adalah setakat itu.

"Sukma bertujuan melahirkan lebih ramai bakat baru yang boleh dibentuk menjadi atlit bertaraf dunia, tetapi jika sasaran atlit hanya untuk memenangi pingat di Sukma, kerajaan khuatir matlamat itu tidak dapat dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis penyerahan bendera negeri kepada ketua kontingen negeri ke Sukma, Datuk Ismail Lassim, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Senaling di Wisma Negeri di Seremban, semalam.

Seramai 228 atlit dan pegawai negeri ini akan menyertai 16 acara yang dipertandingkan dalam sukan itu.

Mohd Isa turut mengingatkan atlit negeri supaya menjaga disiplin dan nama baik negeri.

"Saya tidak mahu ada atlit terbabit dalam perbuatan tidak baik di sana. Atlit datang untuk bersukan dan perlu menghormati adat resam di negara orang," katanya.

Beliau juga tidak mahu atlit terlalu memikirkan ganjaran kewangan dan sebaliknya berjuang terlebih dulu.

"Ganjaran hanya boleh difikirkan selepas mereka memenangi pingat untuk negeri," katanya.

Sementara itu Ismail berkata, berdasarkan maklum balas pengurus semua pasukan dan lawatannya ke kem latihan atlit, negeri menetapkan sasaran memenangi 25 pingat emas.

Katanya, semua acara yang disertai adalah yang berpotensi untuk memenangi pingat selepas jawatankuasa khas yang dianggotai Majlis Sukan Negeri (MSN) bersama persatuan sukan negeri meneliti setiap acara yang dicadangkan.

Beliau berkata, seramai 100 penari dari negeri ini juga akan mempersembahkan tarian ketika acara penutup Sukma dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka menyerahkan bendera kejohanan kepada Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad. Negeri Sembilan akan menjadi penganjur Sukma ke-11 pada 2004.